

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN M. KULASEGARAN [IPOH BARAT]

TARIKH : 11.6.2015

SOALAN :

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada Kerajaan berhasrat untuk mengimplementasikan polisi ajaran Bahasa Mandarin di Sekolah Kebangsaan dan Sekolah Tamil dan bagaimanakah keberkesanan ajaran Bahasa Tamil di sekolah-sekolah kebangsaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mata pelajaran Bahasa Cina telah mula dilaksanakan di Sekolah Kebangsaan (SK) sejak tahun 1950-an lagi. Mata pelajaran ini ditawarkan khas sebagai bahasa ibunda untuk murid etnik Cina yang belajar di SK. Menurut Ordinan Pelajaran 1957, SK perlu menawarkan Bahasa Cina sekiranya terdapat sekurang-kurangnya 15 orang ibu bapa memohon supaya Bahasa Cina diajarkan kepada murid. Menjelang tahun 1996, status Bahasa Cina di SK bertukar sebagai bahasa tambahan yang boleh dipilih untuk dipelajari oleh murid semua kaum. Kaedah pengajaran dan pembelajaran (PdP) turut bertukar kepada kaedah PdP bahasa kedua.

Mulai tahun 2000, mata pelajaran Bahasa Cina diubah namanya kepada Bahasa Cina Komunikasi (BCK) dan terbuka kepada semua murid. Mulai tahun 2007, mata pelajaran Bahasa Cina Sekolah Kebangsaan (BCSK) diperkenalkan dan terbuka kepada semua murid sebagai bahasa tambahan. Melalui pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Rendah pada tahun 2011, BCSK ditawarkan sebagai bahasa elektif (90 minit seminggu) dan terbuka kepada semua murid SK.

Pada masa ini, terdapat 480 buah SK yang menawarkan mata pelajaran Bahasa Cina di seluruh negara. Mata pelajaran Bahasa Cina belum ditawarkan di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT). Walau bagaimanapun Kementerian Pendidikan Malaysia bersedia untuk melaksanakan Bahasa Cina di SJKT sekiranya terdapat permintaan dan prasarana yang mencukupi.

Melalui pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) pada masa ini, mata Pelajaran Bahasa Tamil diajar di SK sebanyak tiga (3) waktu atau 90 minit seminggu. Guru telah dilatih secara khusus untuk mengajar mata pelajaran Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan (BTSK) di SK bagi memastikan proses pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan dengan berkesan. Kursus Orientasi juga diberi kepada guru-guru yang mengajar BTSK dengan memberi pendedahan tentang kurikulum dan teknik pengajaran yang terkini. Buku teks turut disediakan bagi mata pelajaran ini supaya murid dapat membuat aktiviti dan latihan untuk menguasai bahasa Tamil secara berkesan.